



31 Disember 2019
31 December 2019
P.U. (A) 416

WARTAKERAJAANPERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS (PINDAAN) 2019

FREE ZONES (AMENDMENT) REGULATIONS 2019

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA ZON BEBAS 1990

PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS (PINDAAN) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 47 Akta Zon Bebas 1990 [*Akta 438*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Zon Bebas (Pindaan) 2019**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Zon Bebas 1991 [*P.U. (A) 321/1991*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2—

(a) dengan memasukkan sebelum takrif “ejen” takrif yang berikut:

‘ “barang-barang larangan” hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Kastam 1967;’;

(b) dengan memasukkan selepas takrif “ejen” takrif yang berikut:

‘ “hari kerja” ertinya mana-mana hari yang bukan hari kelepasan mingguan, hari kelepasan am atau hari Sabtu;’;

(c) dengan memotong takrif “hari kelepasan am”;

(d) menggantikan takrif “hari kelepasan mingguan” dengan takrif yang berikut:

‘ “hari kelepasan mingguan” hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Hari Kelepasan 1951 [*Akta 369*];’;

- (e) dengan memotong takrif “hari kerja sepenuh masa” dan “hari kerja setengah masa”;
- (f) dalam takrif “operator”, dengan menggantikan perkataan “seorang pengeksport atau seorang pengimport” dengan perkataan “seorang pemunya, pengeksport, pengimport, atau ejennya”;
- (g) dengan memotong takrif “pengangkutan”;
- (h) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam takrif “pesawat tempatan”, dengan menggantikan perkataan “pesawat” dengan perkataan “kapal”;
- (i) dengan menggantikan takrif “pindahkapal” dengan takrif yang

berikut: ‘ “pindah kapal” ertinya—

- (a) memindahkan barang-barang dari suatu vesel atau pesawat udara ke suatu vesel atau pesawat udara yang lain; atau
- (b) memunggah barang-barang dari suatu vesel atau pesawat udara dan meletakkan barang itu,

dalam suatu pelabuhan atau lapangan terbang kastam dalam suatu zon bebas bagi maksud dikapalkan keluar dari Malaysia di atas vesel atau pesawat udara yang lain itu dalam kawasan bidang kuasa pejabat kastam yang sama yang berhubungan dengan pengimportan dan pengeksportan;’

- (j) dengan memasukkan selepas takrif “pindah kapal” dengan takrif yang berikut:

‘ “pulau bebas cukai” ertinya Labuan, Langkawi, Tioman dan Pangkor;’; dan

(k) dengan memotong takrif “wilayah”.

Pindaan peraturan 4

3. Peraturan 4 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (2), dengan memasukkan selepas perkataan “Kubang Pasu, Kedah” perkataan “, Tasik Kenyir dalam daerah Hulu Terengganu, Terengganu”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (4) subperaturan yang berikut:

“(5) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.”.

Pindaan peraturan 9

4. Peraturan 9 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan nota birai dengan nota birai yang berikut:

“Waktu kerja biasa dan hari kerja.”; dan

(b) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Pejabat Pihak Berkuasa dan kastam dalam suatu zon bebas hendaklah dibuka untuk berurusan dengan orang awam pada waktu kerja biasa hari kerja sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian I dan II Jadual Keempat.”.

Pindaan peraturan 10

5. Peraturan 10 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan memasukkan selepas perkataan “barang-barang” perkataan “selain barang-barang kepunyaan pengembara *bona fide*”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(2) Barang-barang peribadi pengembara *bona fide* boleh dikeluarkan daripada kawalan kastam pada bila-bila masa melainkan jika diarahkan selainnya oleh Ketua Pengarah.”.

Pindaan peraturan 15

6. Peraturan 15 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (3), dengan memotong perkataan “; dan tiada rekod sedemikian boleh dimusnahkan melainkan jika diluluskan secara bertulis oleh Pihak Berkuasa selepas berunding dengan Ketua Pengarah”;

(b) dengan memotong subperaturan (5); dan

(c) dengan memasukkan selepas subperaturan (5) yang dipotong subperaturan yang berikut:

“(6) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.”.

Peraturan baharu 17A dan 17B

7. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 17 peraturan yang berikut:

“Pelepasan pelabuhan atau lapangan terbang apabila vesel atau pesawat udara berlepas.

17A. (1) Suatu pelepasan pelabuhan bagi vesel, atau suatu pelepasan lapangan terbang bagi pesawat udara, untuk berlepas atau cuba untuk berlepas dari mana-mana pelabuhan atau lapangan terbang kastam di zon bebas hendaklah dalam Borang Kastam No. 10 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019 [*P.U. (A) 397/2019*].

(2) Sekiranya sebelum pelepasan vesel atau pesawat udara, terdapat apa-apa perubahan maklumat dalam pelepasan pelabuhan atau lapangan terbang, nakhoda atau ejen vesel itu, atau juruterbang atau ejen pesawat udara itu, hendaklah dengan segera memaklumkan pegawai kastam yang hak di zon bebas secara bertulis mengenai perubahan itu.

Kebenaran bagi vesel untuk melalui tempat pendaratan yang sah, dsb.

17B. Kebenaran pegawai kastam yang hak bagi suatu vesel untuk melalui sepanjang suatu tempat pendaratan yang sah di suatu zon bebas atau sepanjang vesel samudera di bawah seksyen 49 Akta Kastam 1967 hendaklah dalam Borang Kastam No. 11 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019.”.

Pindaan peraturan 18

8. Peraturan-peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 18 dengan peraturan yang berikut:

“Pengemukaan
manifes.

18. (1) Nakhoda atau ejen vesel selain suatu kapal tempatan, atau juruterbang atau ejen pesawat udara, yang tiba atau meninggalkan mana-mana pelabuhan atau lapangan terbang kastam dalam suatu zon bebas hendaklah mengemukakan suatu manifes kepada pegawai kastam yang hak di zon bebas itu—

(a) dalam Borang Kastam No. 4 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019 sekiranya barang-barang itu diimport atau untuk dieksport; atau

(b) dalam Borang Kastam No. 5 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019 sekiranya barang-barang itu untuk dipindah kapal.

(2) Bagi maksud pindah kapal yang disebut dalam perenggan (1)(b), nakhoda atau ejen vessel itu, atau juruterbang atau ejen pesawat udara itu hendaklah—

(a) mengemukakan bil muatan terus atau bil jalan udara terus yang meliputi barang-barang yang dipindah kapal;

(b) membuktikan bahawa pelabuhan pemunggahan atau lapangan terbang pemunggahan adalah di luar Malaysia; dan

(c) membuktikan bahawa tiada penerima konsain tempatan atau pihak pemberitahu tempatan dalam bil muatan terus atau bil jalan udara terus itu, kecuali ejen perkapalan.”.

Penggantian peraturan 19

9. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 19 dengan peraturan yang berikut:

“Pembetulan dibuat selepas selesai pemunggahan.

19. (1) Apabila selesai pemunggahan kargo atau dalam masa satu bulan daripada pemunggahan itu atau dalam apa-apa tempoh lanjut sebagaimana yang boleh dibenarkan oleh pegawai kastam yang hak, nakhoda atau ejen vesel, atau juruterbang atau ejen pesawat udara hendaklah mengemukakan kepada pegawai kastam yang hak suatu penyata diperakui akan apa yang berlaku kepada kargo itu dan hendaklah menyatakan satu persatu di dalamnya apa-apa pindaan dalam manifes disebabkan oleh perkapalan yang kurang, pendaratan yang kurang, pendaratan yang lebih atau apa-apa sebab yang lain.

(2) Pegawai kastam yang hak boleh menolak untuk menerima apa-apa pindaan yang dibuat dalam manifes itu selepas diberitahu bahawa siasatan mengenai apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis telah dimulakan berkenaan

dengan barang-barang yang manifes itu berkaitan.

(3) Jika apa-apa barang telah dimasukkan dalam manifes apa-apa vesel atau pesawat udara yang tidak dijelaskan sehingga memuaskan hati pegawai kastam yang hak dalam masa satu bulan dari pengemukaan pernyataan itu atau dalam masa apa-apa tempoh lanjut yang boleh dibenarkan oleh pegawai kastam yang hak itu, nakhoda atau ejen vesel, atau juruterbang atau ejen pesawat udara, hendaklah bertanggung untuk membayar kepada pegawai kastam yang hak itu atas permintaan suatu jumlah wang tidak melebihi lima ribu ringgit, dan sebagai tambahan, dalam hal barang-barang berduti, ejen itu hendaklah bertanggung untuk membayar kepada pegawai kastam yang hak itu atas permintaan suatu amaun duti kastam yang boleh dilevikan padanya atau, apabila duti yang sebenar tidak dapat ditaksirkan, suatu amaun tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(4) Penyata diperakui yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) nama, alamat dan nombor pengenalan nakhoda atau ejen vesel, atau juruterbang atau ejen pesawat udara;
- (b) nama dan nombor pendaftaran vesel atau pesawat udara;
- (c) tarikh ketibaan vesel atau pesawat udara;

- (d)* pelabuhan atau lapangan terbang ketibaan;
- (e)* pelabuhan atau lapangan terbang terakhir;
- (f)* nombor pendaftaran manifes;
- (g)* nombor panggilan kapal;
- (h)* kuantiti, perihalan dan nilai barang-barang yang tidak dihantar disebabkan oleh dikapalkan kurang atau didaratkan kurang atau apa-apa sebab yang lain;
- (i)* kuantiti, perihalan dan nilai barang-barang yang dikapalkan lebih dan didaratkan lebih.

(5) Barang-barang yang telah dibuktikan dikapalkan kurang atau didaratkan kurang dan kemudiannya tiba di suatu pelabuhan atau lapangan terbang kastam dalam suatu zon bebas, tiada duti atau cukai kastam yang dibayar atas barang-barang itu jika pegawai kastam yang hak berpuas hati bahawa duti atau cukai kastam atas barang-barang itu telah dibayar lebih awal.”.

Penggantian peraturan 20

10. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 20 dengan peraturan yang berikut:

“Penjelasan mengenai barang-barang. 20. Pihak Berkuasa hendaklah bertanggungjawab untuk memberi penjelasan mengenai barang-barang yang diimport atau dibawa masuk ke dalam, dieksport atau dibawa keluar dari, atau dipindah kapal di, suatu dari zon bebas.”.

Pindaan peraturan 21

11. Peraturan 21 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan nota birai dengan nota birai yang berikut:

“Perisytiharan barang-barang yang diimport dari luar Malaysia ke dalam zon bebas.”;

(b) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Jika mana-mana orang mengimport apa-apa barang selain barang-barang yang dinyatakan dalam suatu perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah seksyen 6 Akta dari luar Malaysia ke dalam suatu zon bebas bagi apa-apa aktiviti dalam zon bebas itu, dia atau ejennya hendaklah mengemukakan kepada pegawai Pihak Berkuasa yang hak di zon bebas itu—

(a) suatu perisytiharan import dalam Borang ZB No. 1 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama; dan

(b) apa-apa dokumen yang berhubungan dengan barang-barang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai Pihak Berkuasa yang hak.”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(4) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.”.

Peraturan baharu 21A

12. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 21 peraturan yang berikut:

“Perisytiharan barang-barang yang dikecualikan daripada taraf bebas yang diimport dari luar Malaysia ke dalam zon bebas.

21A. Jika mana-mana orang mengimport apa-apa barang yang dinyatakan dalam suatu perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah seksyen 6 Akta dari luar Malaysia ke dalam suatu zon bebas, semasa ketibaan barang-barang itu, dia atau ejennya hendaklah—

(a) mengemukakan suatu perisytiharan dalam Borang Kastam No. 1 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019 kepada pegawai kastam yang hak di zon bebas itu; dan

(b) membayar duti atau cukai kastam yang boleh dilevikan atas barang-barang itu.”.

Pindaan peraturan 22

13. Peraturan 22 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menomborkan semula peruntukan yang sedia ada sebagai subperaturan (1);

- (b) dalam subperaturan (1) yang dinomborkan semula, dengan menggantikan perkataan “Jika seseorang membawa keluar” dengan perkataan “Jika mana-mana orang mengeksport”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(2) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.”.

Penggantian peraturan 23

14. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 23 dengan peraturan yang berikut:

“Barang-barang dipindah kapal di zon bebas.

23. (1) Jika mana-mana orang bercadang untuk memindahkan apa-apa barang yang diimport dari mana-mana tempat, vesel atau pesawat udara dalam suatu zon bebas untuk pindah kapal di suatu zon bebas, dia atau ejennya hendaklah mengemukakan kepada pegawai Pihak Berkuasa yang hak di zon bebas itu—

- (a) suatu perisytiharan import dalam Borang ZB No. 1 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama; dan
- (b) apa-apa dokumen yang berhubungan dengan barang-barang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai Pihak Berkuasa yang hak.

(2) Tertakluk kepada peraturan 18, pegawai Pihak Berkuasa yang hak boleh meluluskan pemindahan

barang-barang yang diimport yang disebut dalam subperaturan (1) tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh pegawai Pihak Berkuasa yang hak itu.

(3) Selepas pemindahan barang-barang yang diimport itu diluluskan oleh pegawai Pihak Berkuasa yang hak, barang-barang yang diimport untuk pindah kapal—

(a) tidak boleh terus berada dalam zon bebas melebihi tiga puluh hari dari tarikh ketibaan melainkan jika diluluskan oleh pegawai Pihak Berkuasa yang hak untuk apa-apa tempoh lanjut; dan

(b) tidak boleh dipecah pual melainkan jika diluluskan oleh pegawai Pihak Berkuasa yang hak dan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai Pihak Berkuasa yang hak itu.

(4) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.”.

Penggantian peraturan 24

15. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 24 dengan peraturan yang berikut:

“Barang-barang yang dibawa dari kawasan utama kastam masuk ke dalam zon bebas.

24. Jika mana-mana orang membawa masuk apa-apa barang dari suatu kawasan utama kastam atau suatu gudang pengilangan yang dilesenkan di bawah seksyen 65A Akta Kastam 1967 ke dalam suatu zon bebas, dia atau ejennya hendaklah—

(a) mengemukakan suatu perisytiharan dalam Borang Kastam No. 2 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019 kepada pegawai kastam yang hak di zon bebas itu; dan

(b) membayar duti atau cukai kastam, atau caj lain yang boleh dilevikan atas barang itu.”.

Peraturan baharu 24A

16. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 24 peraturan yang berikut:

“Barang-barang yang dibawa keluar dari zon bebas ke dalam kawasan utama kastam.

24A. Jika mana-mana orang membawa keluar apa-apa barang dari suatu zon bebas ke dalam suatu kawasan utama kastam untuk kegunaan dalam kawasan utama kastam itu, dia atau ejennya hendaklah—

(a) mengemukakan suatu perisytiharan dalam Borang Kastam No. 1 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019 kepada

pegawai kastam yang hak di zon bebas itu;
dan

- (b) membayar duti atau cukai kastam, atau caj lain yang boleh dilevikan atas barang-barang itu.”.

Penggantian peraturan 25

17. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 25 dengan peraturan yang berikut:

“Import dan eksport barang-barang melalui zon bebas.

25. Jika mana-mana orang mengimport masuk atau mengeksport dari suatu kawasan utama kastam apa-apa barang melalui suatu zon bebas, tanpa bercadang untuk men depositkan barang-barang itu dalam zon bebas itu, dia atau ejennya hendaklah—

- (a) mengemukakan suatu perisytiharan kepada pegawai kastam yang hak di zon bebas itu—

(i) dalam Borang Kastam No. 1 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019, sekiranya barang-barang itu diimport; atau

(ii) dalam Borang Kastam No. 2 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019, sekiranya barang-barang itu dieksport;

- (b) mengemukakan barang-barang itu untuk pemeriksaan oleh pegawai kastam yang hak; dan
- (c) membayar duti atau cukai kastam, atau caj lain yang boleh dilevikan atas barang-barang itu.”.

Penggantian peraturan 26

18. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 26 dengan peraturan yang berikut:

“Barang-barang yang diangkut dari zon bebas ke mana-mana wilayah.

26. (1) Jika mana-mana orang mengangkut apa-apa barang dari suatu zon bebas ke mana-mana wilayah, dia atau ejennya hendaklah mengemukakan kepada pegawai Pihak Berkuasa yang hak di zon bebas itu—

- (a) suatu perisytiharan dalam Borang ZB No. 1 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama; dan
- (b) apa-apa dokumen yang berhubungan dengan barang-barang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai Pihak Berkuasa yang hak.

(2) Pegawai Pihak Berkuasa yang hak itu boleh meluluskan pengangkutan dan melepaskan barang-barang itu jika dia berpuas hati bahawa barang-barang itu dicadangkan untuk pengangkutan.

(3) Sekiranya barang-barang itu ialah suatu kelas barang-barang larangan, pegawai Pihak Berkuasa yang

hak boleh meluluskan pengangkutan dan melepaskan barang-barang itu jika semua kehendak di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan barang-barang larangan itu telah dipatuhi.

(4) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu atau kedua-duanya.”.

Peraturan baharu 26A dan 26B

19. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 26 peraturan yang berikut:

“Barang-barang yang diangkut dari kawasan utama kastam ke mana-mana wilayah melalui zon bebas.

26A. (1) Jika mana-mana orang mengangkut apa-apa barang yang duti kastam atau eksais, atau cukai jualan atas barang-barang itu telah dibayar, dari suatu kawasan utama kastam ke mana-mana wilayah melalui suatu zon bebas, dia atau ejennya hendaklah mengemukakan kepada pegawai kastam yang hak di zon bebas itu—

(a) suatu perisytiharan dalam Borang Kastam No. 3 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019; dan

(b) apa-apa dokumen yang berhubungan dengan barang-barang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai

kastam yang hak.

(2) Pegawai kastam yang hak boleh meluluskan pengangkutan dan melepaskan barang-barang itu jika dia berpuas hati bahawa barang-barang itu dicadangkan untuk pengangkutan.

(3) Sekiranya barang-barang itu ialah suatu kelas barang-barang larangan, pegawai kastam yang hak boleh meluluskan pengangkutan dan melepaskan barang-barang itu jika semua kehendak di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan barang-barang larangan itu telah dipatuhi.

Erti “pengangkutan” 26B. Bagi maksud peraturan 26 dan 26A— dan “wilayah”.

(a) “pengangkutan” ertinya pengangkutan barang-barang dari satu wilayah ke satu wilayah yang lain dalam Malaysia melalui laut atau udara, dan termasuklah pengangkutan melalui laut dari satu tempat ke satu tempat yang lain dalam wilayah itu; dan

(b) “wilayah” ertinya Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah atau Sarawak.”.

Penggantian peraturan 27

20. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 27 dengan peraturan yang berikut:

“Pemindahan barang-barang di bawah transit dari zon bebas melalui kawasan utama kastam.

27. (1) Jika mana-mana orang memindahkan apa-apa barang di bawah transit melalui darat dari suatu zon bebas ke mana-mana negara di luar Malaysia melalui suatu kawasan utama kastam—

(a) untuk mengeksport melalui suatu pelabuhan atau lapangan terbang kastam dalam suatu kawasan utama kastam; atau

(b) untuk mengeskport melalui pelabuhan atau lapangan terbang kastam dalam suatu zon bebas,

dia atau ejennya hendaklah mengemukakan suatu perisytiharan dalam Borang Kastam No. 8 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019 kepada pegawai kastam yang hak di zon bebas yang mula-mula disebut.

(2) Jika mana-mana orang memindahkan apa-apa barang di bawah transit melalui darat dari suatu zon bebas melalui suatu kawasan utama kastam—

(a) ke zon bebas yang lain bagi apa-apa aktiviti yang dibenarkan dalam zon bebas itu;

(b) ke mana-mana pulau bebas cukai; atau

(c) ke mana-mana gudang, kedai bebas cukai atau depoh pelepasan dalam negeri yang dilesenkan di bawah seksyen 65, 65D atau 65E Akta Kastam 1967, atau pangkalan bekalan petroleum di bawah seksyen 77B Akta Kastam 1967,

dia atau ejennya hendaklah mengemukakan suatu perisytiharan dalam Borang Kastam No. 8 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019 kepada pegawai kastam yang hak di zon bebas yang mula-mula disebut.”.

Penggantian peraturan 28

21. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 28 dengan peraturan yang berikut:

“Pemindahan barang-barang di bawah transit dari gudang berlesen dsb., ke zon bebas.

28. Jika mana-mana orang memindahkan apa-apa barang di bawah transit melalui darat melalui suatu kawasan utama kastam ke suatu zon bebas, dia atau ejennya hendaklah mengemukakan suatu perisytiharan—

(a) dalam Borang Kastam No. 8 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019, sekiranya barang-barang itu dari gudang, kedai bebas cukai atau depoh pelepasan dalam negeri yang dilesenkan di bawah seksyen 65, 65D atau 65E Akta Kastam 1967, atau pangkalan bekalan petroleum di bawah seksyen 77B Akta Kastam 1967; atau

(b) dalam Borang Eksais No. 8 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan Eksais 1977 [P.U. (A) 161/1977], sekiranya barang-barang itu dari gudang atau gudang pengilangan yang dilesenkan di bawah Akta Eksais 1976 [Akta 176],

kepada pegawai kastam yang hak di suatu gudang atau depoh pelepasan dalam negeri di bawah Akta Kastam 1967 atau di suatu gudang atau gudang pengilangan yang dilesenkan di bawah Akta Eksais 1976.”.

Pindaan peraturan 30

22. Peraturan 30 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Tiada seorang pun boleh mengimport atau membawa masuk ke dalam, mengeksport atau membawa keluar dari, atau memindah kapal di, mana-mana zon bebas apa-apa barang-barang larangan melainkan jika—

- (a) dia mempunyai suatu permit yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan;
- (b) dia mengemukakan permit untuk pemeriksaan oleh pegawai kastam yang hak atau pegawai Pihak Berkuasa yang hak, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- (c) pegawai kastam yang hak atau pegawai Pihak Berkuasa yang hak berpuas hati bahawa terdapat pematuhan yang

wajar dengan syarat-syarat yang dinyatakan dalam permit itu, jika ada.”;

(b) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “pindahkapal barang-barang di mana-mana zon bebas yang pengimportan atau pengeksportannya adalah dilarang” dengan perkataan “pindah kapal apa-apa barang-barang larangan di mana-mana zon bebas”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(3) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.”.

Pemotongan peraturan 31

23. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 31.

Peraturan baharu 32B

24. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 32A peraturan yang berikut:

“Perisytiharan atau pengemukaan dokumen.

32B. Sekiranya apa-apa perisytiharan atau dokumen dikehendaki untuk dikemukakan oleh mana-mana orang kepada pegawai Pihak Berkuasa yang hak di bawah Peraturan-Peraturan ini, perisytiharan atau dokumen itu juga hendaklah dikemukakan kepada pegawai kastam yang hak dan sebaliknya.”.

Pemotongan peraturan 33

25. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 33.

Pindaan peraturan 34

26. Subperaturan 34(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) berada di zon bebas itu dan belum diisytiharkan dalam masa sebagaimana yang dinyatakan di bawah peraturan 21 atau 21A;”.

Pemotongan Jadual Kedua

27. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong Jadual Kedua.

Jadual baharu Keempat

28. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Ketiga jadual yang berikut:

“JADUAL KEEMPAT

[Peraturan 9]

BAHAGIAN I

WAKTU KERJA BIASA DAN HARI KERJA PEJABAT PIHAK BERKUASA

1. Pejabat Pihak Berkuasa di suatu zon bebas hendaklah dibuka untuk berurusan dengan orang awam pada mana-mana hari kerja dari pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

2. Walau apa pun perenggan 1—

(a) pejabat Pihak Berkuasa di zon bebas di negeri Kedah, Johor, Kelantan dan Terengganu hendaklah dibuka untuk berurusan dengan orang awam pada hari Khamis dari pukul 8.00 pagi hingga 3.30 petang; dan

(b) bagi negeri yang dinyatakan dalam ruang (1), pejabat Pihak Berkuasa dalam zon bebas yang dinyatakan dalam ruang (2) hendaklah dibuka untuk berurusan dengan orang awam pada waktu kerja biasa dan hari kerja yang dinyatakan dalam ruang (3) seperti yang berikut:

(1) Negeri	(2) Zon Bebas	(3) Waktu Kerja Biasa/ Hari Kerja
Pulau Pinang	Dermaga Air Dalam, Seksyen 4, bandar Butterworth, Daerah Utara, Perdagangan Seberang Perai	Isnin hingga Jumaat: 8.00 pagi hingga 5.30 petang
	Daerah Barat Daya, Mukim 12	24 jam pada mana-mana hari
	Lot 1993 Mukim 12, Daerah Barat Daya	24 jam pada mana-mana hari
Selangor	Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang	24 jam pada mana-mana hari
	Pelabuhan Barat, Pulau Indah, Mukim Klang, Daerah Klang	Isnin hingga Jumaat: 8.00 pagi hingga 7.00 malam Sabtu dan Ahad: 8.00 pagi hingga 6.00 petang termasuk hari kelepasan am
	Mukim Kapar, Daerah Klang	Isnin hingga Jumaat: 8.00 pagi hingga 7.00 malam Sabtu dan Ahad: 8.00 pagi hingga 6.00 petang termasuk hari kelepasan am
	<i>South Point</i> , Pelabuhan Klang, Port Swettenham Daerah Klang	Isnin hingga Jumaat: 8.00 pagi hingga 7.00 malam Sabtu dan Ahad: 8.00 pagi hingga 6.00 petang termasuk hari kelepasan am
	Pulau Indah, Mukim Klang, Daerah Klang	Isnin hingga Jumaat: 8.30 pagi hingga 5.30 petang

(1) Negeri	(2) Zon Bebas	(3) Waktu Kerja Biasa/ Hari Kerja
		Sabtu: 8.30 pagi hingga 1.00 tengah hari
Johor	Zon Bebas Pelabuhan Pasir Gudang, Mukim Plentong, Daerah Johor Bahru	Isnin hingga Sabtu: 8.00 pagi hingga 11.00 malam termasuk hari kelepasan am
	Zon Perindustrian Bebas Pusat Petrokimia dan Industri Maritim Tanjung Bin (Fasa 1)	Isnin hingga Sabtu: 8.00 pagi hingga 11.00 malam termasuk hari kelepasan am
	Tanjung Pelepas, Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru (Fasa 1) dan (Fasa 2)	Isnin hingga Jumaat: 8.30 pagi hingga 5.30 petang
	Zon Perindustrian Bebas Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Mukim Senai, Kulai, Daerah Johor Bahru	Isnin hingga Jumaat: 7.00 pagi hingga 10.00 malam Sabtu dan Ahad: 7.00 pagi hingga 5.00 petang
	<i>Senai Airport City</i> Fasa Satu, Mukim Senai, Daerah Kulaijaya	Isnin hingga Jumaat: 8.30 pagi hingga 5.30 petang

BAHAGIAN II

WAKTU KERJA BIASA DAN HARI KERJA PEJABAT KASTAM

1. Pejabat kastam di suatu zon bebas hendaklah dibuka untuk berurusan dengan orang awam pada bila-bila masa dan pada mana-mana hari.

2. Walau apa pun perenggan 1, bagi negeri yang dinyatakan dalam ruang (1), pejabat kastam dalam zon bebas yang dinyatakan dalam ruang (2) hendaklah dibuka untuk berurusan dengan orang awam pada waktu kerja biasa dan hari kerja yang dinyatakan dalam ruang (3) seperti yang berikut:

(1) Negeri	(2) Zon Bebas	(3) Waktu Kerja Biasa/ Hari Kerja
Kedah	Bukit Kayu Hitam	6.00 pagi hingga 10.00 malam
Pulau Pinang	Prai, Daerah Tengah Seberang Prai, Mukim 1	8.00 pagi hingga 11.00 malam
	Bayan Lepas, Daerah Barat Daya, Mukim 12	Isnin hingga Sabtu: 8.00 pagi hingga 12.00 tengah malam Ahad: 8.00 pagi hingga 7.00 malam
Perak	Kinta, Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta	Isnin hingga Jumaat: 8.00 pagi hingga 9.00 malam Sabtu: 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari
	Mukim Hulu Kinta dalam Daerah Kinta	Isnin hingga Jumaat: 8.00 pagi hingga 9.00 malam Sabtu: 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari
Selangor	Telok Panglima Garang dalam Daerah Kuala Langat	8.00 pagi hingga 5.00 petang
Johor	Zon Perindustrian Bebas Pusat Petrokimia dan Industri Maritim Tanjung Bin (Fasa 1)	8.00 pagi hingga 5.00 petang
	Zon Perindustrian Bebas Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Mukim Senai, Kulai, Daerah Johor Bahru	8.00 pagi hingga 10.00 malam
	<i>Senai Airport City</i> Fasa Satu, Mukim Senai, Daerah Kulaijaya	8.00 pagi hingga 10.00 malam
Kelantan	Kawasan Bebas Cukai Pengkalan Kubor	6.00 pagi hingga 7.00 malam

(1) Negeri	(2) Zon Bebas	(3) Waktu Kerja Biasa/ Hari Kerja
Terengganu	Kawasan Bebas Cukai Tasik Kenyir	Ahad hingga Rabu: 8.00 pagi hingga 5.00 petang Khamis: 8.00 pagi hingga 3.30 petang

Dibuat 31 Disember 2019

[SULIT KE. HD(122)009/17 Klt.2(4); MOF.TAX(S)700-1/1/7 Jld.2(31); PN(PU2)485/X]

LIM GUAN ENG
Menteri Kewangan

FREE ZONES ACT 1990

FREE ZONES (AMENDMENT) REGULATIONS 2019

IN exercise of the powers conferred by section 47 of the Free Zones Act 1990 [*Act 438*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

